



## **MAJLIS DAERAH LABIS**

## **JOHOR DARUL TA'ZIM**

### **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa kepada **Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia** yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Labis seperti berikut:

<b>1.</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>JURUTERA</b>
	<b>GRED</b>	<b>:</b>	<b>J41</b>
	<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP</b>
	<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>KEJURUTERAAN</b>
	<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>

#### **1. SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00).**

## **2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
  - (ii) Lulus Peperiksaan Badan Iktisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (b) Had umur pelantikan:
  - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **CARA PERMOHONAN**

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan harga RM1.00 satu set di Pejabat Majlis Daerah Labis atau dengan memuat turun borang di Laman Web [www.mdlabis.gov.my](http://www.mdlabis.gov.my) atau Facebook rasmi kami iaitu **Majlis Daerah Labis-Rasmi** atau boleh didapati di **Kaunter Pertanyaan** Majlis Daerah Labis.
2. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA**

**MAJLIS DAERAH LABIS**

**85300 LABIS, JOHOR**

3. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:
  - (i) Kad pengenalan diri;
  - (ii) Sijil kelahiran;
  - (iii) Sijil-sijil persekolahan;
  - (iv) Kelulusan akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)\* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dimohon;
  - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima);
  - (vi) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran 'passport'
  - (vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)

### **PERINGATAN:**

SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN DARI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL ATAU PENGHULU MUKIM BERKENAAN.

4. Pemohon juga hendaklah menyediakan 'video resume' sebagaimana berikut :
  - 4.1 Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
  - 4.2 Menggunakan suara pemohon sebenar
5. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :
  - 5.1 Ringkasan latar belakang keluarga pemohon.
  - 5.2 Ringkasan latar belakang pendidikan pemohon.
  - 5.3 Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
  - 5.4 Pekerja / aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
  - 5.5 Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon.
  - 5.6 Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
  - 5.7 Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'.
  - 5.8 Ringkasan kelebihan/ kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
  - 5.9 Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
  - 5.10 Ringkasan kelemahan/ kekurangan pemohon.
6. Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat [mdlbs@johor.gov.my](mailto:mdlbs@johor.gov.my) sebelum 20 Ogos 2019.
7. Bagi kelayakan Ijazah/ Diploma/ Sijil perlu mendapatkan pengiktirafan kelayakan di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan dilampirkan bersama resume permohonan.

## 8. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- 8.1 Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- 8.2 Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dengan butiran dan maklumat yang diperlukan.
- 8.3 Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat seperti dalam iklan akan **DITOLAK** serta-merta.
- 8.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 8.5 Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- 8.6 Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.

9. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **20 OGOS 2019**